



Kajian Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah Alih Classification Of Accounts App Dalam Pendidikan Perakaunan

Hamidah Binti Ab. Rahman
Universiti Tun Husein Onn Malaysia
gb190032@siswa.uthm.edu.my

Fahimah Binti Jaffar
Kolej Komuniti Pasir Gudang
fahimah@kkpg.edu.my

Lily Kalsum Binti Marji
Kolej Komuniti Pasir Gudang
lilykalsum@kkpg.edu.my

Abstrak: Keperluan dalam pembelajaran perakaunan untuk mengkategorikan perakaunan bagi Aset, Liabiliti, Hasil, Belanja dan Ekuiti Pemilik amatlah diperlukan dalam penentuan klasifikasi akaun. Ianya penting bagi individu yang berkepentingan untuk memahami dan mencatat rekod-rekod perakaunan. Classification of Accounts App (COA App) merupakan aplikasi capaian mudah alih yang direkabentuk dan dibangunkan dalam bidang perakaunan bagi penentuan klasifikasi akaun. COA App dibangunkan menggunakan Aplikasi Wix berasaskan Model ADDIE. Kajian dilaksanakan bagi menilai kebolehgunaan dan impak penggunaan COA App dalam pembelajaran perakaunan di kalangan pelajar Kolej Komuniti Pasir Gudang yang terdiri dari kalangan peserta kursus pendek UBS Accounting dan pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan. Kajian dilaksanakan ke atas keseluruhan 22 responden yang menggunakan COA App di Kolej Komuniti Pasir Gudang. Penilaian COA App dilaksanakan melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik berskala Likert empat pilihan. Hasil analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa COA App mempunyai kebolehgunaan dari aspek mudah digunakan, boleh digunakan tanpa bantuan orang lain, memaparkan maklumat yang segera, masa yang singkat untuk dikuasai, boleh memilih sub topik pada bila-bila masa, kebebasan meneroka maklumat dan keluar dari aplikasi pada bila-bila masa. Bagi impak penggunaan COA App ini, ianya menjimatkan masa penggunaan serta kos perbelanjaan, membantu mengenal klasifikasi akaun dan membantu penyediaan perakaunan lebih mudah. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi mudah alih memberikan potensi yang positif dalam aspek kebolehgunaan serta impak penggunaannya kepada pengguna dan juga sesuai digunakan oleh mereka yang terlibat dengan perakaunan keusahawanan sukan untuk kajian akan datang.

Kata Kunci : Penentuan Klasifikasi Akaun, Model ADDIE, Aplikasi Mudah Alih, Revolusi Industri 4.0

1. PENGENALAN

Sistem pendidikan Malaysia sentiasa melalui proses evolusi teknologi pendidikan. Perkembangan teknologi pendidikan bergerak dengan pantas bagi mencapai hasrat persekitaran penggunaan teknologi yang optimum seiring dengan Revolusi Industri 4.0. Cabaran baharu ini adalah menjadi keperluan kepada para pendidik, pelajar serta masyarakat untuk tidak ketinggalan mendapat kemahiran dan pendedahan yang diperlukan dalam abad ke-21. Suasana pembelajaran yang kondusif berteraskan teknologi perlu digunapakai sepenuhnya dalam kalangan masyarakat juga pelajar untuk memastikan hasrat matlamat Revolusi Industri 4.0 tercapai. Pendekatan penerapan nilai transformasi minda masyarakat di semua lapisan perlu diterapkan samaada dalam sektor kerajaan, para pendidik, industri mahu pun rakyat. Kesedaran



kepentingan Revolusi Industri 4.0 perlu dipertingkatkan serta diperkukuhkan dengan pelbagai usaha yang komprehensif dan berterusan bagi melengkapkan diri masyarakat terdidik dengan penggunaan teknologi sepenuhnya.

Dalam pendidikan perakaunan menjadi keperluan kemahiran dalam Sistem Perakaunan Berkomputer, malahan Sistem Perakaunan Tradisional secara manual juga masih digunakan bagi menekankan aspek asas pembelajaran perakaunan. Terdapat pelbagai Sistem Perakaunan Berkomputer di Malaysia, antaranya UBS Accounting, Mr. Accounting, MYOB dan sebagainya berada dipasaran dan telah diterapkan dalam perekodan sistem pendidikan perakaunan kini melalui pendidikan formal ataupun tidak formal. Sistem Perakaunan Tradisional yang menggunakan buku-buku atau rekod perakaunan manual juga masih digunakan dalam mencatat urusan niaga perniagaan mahupun mempelajari asas perekodan perakaunan. Adalah menjadi keperluan dalam pendidikan perakaunan untuk menentukan klasifikasi akaun sebelum melaksanakan Sistem Catatan Bergu samaada menggunakan Sistem Perakaunan Berkomputer atau Sistem Perakaunan Tradisional. Gabungan pendidikan perakaunan dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 amat penting dan menjadi tanggungjawab pendidik mengaplikasikan teknologi pendidikan masakini.

2. SOROTAN KAJIAN

2.1 Potensi Penggunaan Aplikasi Mudahalih

Situasi pengajaran dan pembelajaran memerlukan pendidik mengkaji kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk menarik minat pelajar mahupun penggunaanya. Penggunaan peranti mudah alih masakini juga menjadi salah satu faktor utama menjadi pilihan penyampaian pendidikan selari dengan teknologi pendidikan masakini. Penyampaian maklumat pembelajaran juga lebih mudah sebagaimana dilihat melalui aktiviti perkongsian bahan pembelajaran di antara pelajar. Ianya telah dimudahkan dengan adanya alatan mudah alih seperti telefon pintar (Norliza, 2013). Telefon pintar sebagai alat mudah alih yang merupakan alat penting yang sering digunakan masyarakat masa kini. Disebabkan penggunaannya yang kerap dan menarik perhatian pelajar, adalah menjadi keperluan pendidik melahirkan inisiatif baharu mengoptimumkan penggunaan aplikasi mudah alih di persekitaran pembelajaran pelajar. Penggunaan aplikasi mudahalih telefon pintar juga lebih menekankan kepada keupayaan untuk memudahkan alih proses pembelajaran dengan tanpa terikat kepada lokasi fizikal proses pembelajaran itu berlaku (Kukulska-Hulme, 2005).

Suasana pengajaran dan pembelajaran Pendidikan 4.0 menyebabkan wujudnya keperluan memadankan antara perkembangan teknologi dan keperluan generasi pelajar masa kini agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan bermakna (Mohamad Siri Muslimin, 2017). Aplikasi mudahalih bukan sahaja sering menarik minat penggunaannya, malahan sering digunakan masyarakat di mana jua mereka berada. Potensi kebolehgunaan dan impak kepenggunaannya perlu dikaji bagi menilai keberkesanan penggunaannya sebagaimana kenyataan Aliff Nawi (2014) pembinaan aplikasi mudah alih dibangunkan, berpotensi dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

2.2 Klasifikasi Akaun

Pendidikan perakaunan mempunyai prinsip asasnya yang tersendiri. Teori perakaunan dan pelaksanaannya juga perlulah seiring. Kefahaman Sistem Catatan Bergu dalam Sistem Perakaunan amat penting bagi membolehkan catatan perakaunan direkodkan dengan tepat. Perakaunan yang berdasarkan Sistem Catatan Bergu adalah satu sistem yang melibatkan urusan niaga yang harus dicatatkan sekurang-kurangnya dalam dua



akaun, iaitu satu akaun didebitkan dan yang satu lagi dikreditkan, jumlah debit sentiasa sama dengan jumlah kredit serta Debit (Dt) mewakili penambahan aset, pengurangan liabiliti serta ekuiti pemilik dan Kredit (Kt) pula mewakili pengurangan aset, penambahan liabiliti serta ekuiti pemilik. Bagi memahami Sistem Catatan Bergu ini adalah menjadi keperluan untuk memahami asasnyanya. Sehubungan itu keperluan kefahaman klasifikasi akaun amatlah penting sebelum melaksanakan Sistem Catatan Bergu. Ini adalah kerana dalam Perakaunan kewangan, laporan perlu disediakan mengikut Prinsip Perakaunan Yang Diterima Umum (General Accepted Accounting Principal-GAAP).

Pembelajaran Klasifikasi Akaun memerlukan pencatat urusaniaga yang terdiri dari kalangan peniaga, kerani mahupun para pelajar mengkategorikannya kepada kelompok aset, liabiliti, hasil, belanja dan ekuiti pemilik. Dengan itu, aspek pemahaman Klasifikasi Akaun amatlah penting dalam penglibatan urusaniaga perniagaan. Kaedah pengajaran yang berkesan perlu dilaksanakan bagi memudahkan rujukan pemahaman Kasifikasi Akaun ini. Ini adalah kerana kaedah pengajaran adalah diantara perkara yang mempengaruhi keberkesanan sesuatu program (Norasmah, 2002).

3. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian dilaksanakan adalah merekabentuk dan membangunkan aplikasi mudah alih Classification Of Accounts App (COA App) dalam pendidikan perakaunan di Kolej Komuniti Pasir Gudang. Selepas aplikasi direka bentuk, kajian dilaksanakan untuk :

- i. Menilai kebolegunaan COA App dalam pendidikan perakaunan
- ii. Menilai impak penggunaan COA App dalam pendidikan perakaunan

4. METODOLOGI

4.1 Metodologi Kajian

Kajian potensi penggunaan aplikasi mudah alih COA App dalam pendidikan perakaunan di Kolej Komuniti Pasir Gudang dilaksanakan terhadap keseluruhan peserta kursus pendek UBS Accounting dan pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan yang telah menggunakan COA App. Kajian yang dilaksanakan ini berbentuk berbentuk deskriptif yang merupakan penyelidikan bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting (2005:96)). Dalam kajian potensi ini penyelidik menerangkan fenomena dengan menganalisis data yang didapati daripada soal selidik yang dilaksanakan. Data daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For The Social Science (SPSS) versi 23. Kajian telah dilaksanakan keatas populasi keseluruhan pengguna COA App di Kolej komuniti Pasir Gudang yang terdiri daripada 14 peserta kursus pendek UBS Accounting dan 8 orang pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan Semester 2 Sesi Disember 2018. Instrumen kajian yang digunakan adalah dalam bentuk soal selidik bagi mendapatkan data kajian.

Kajian rintis dijalankan memastikan kebolehpercayaan terhadap soal selidik yang disediakan terhadap 10 orang yang dipilih secara rawak. Hasil kajian rintis yang dilaksanakan oleh pengkaji memperlihatkan skor bagi Alpha Cronbach adalah 0.80 di mana kesemua item mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan kesemua item boleh diterima dalam kajian ini. Palant (2011) menerima nilai sekecil 0.6 Alpha Cronbach bagi instrumen yang baru dibina. Sekaran (1992) pula, menyatakan bahawa nilai

kebolehpercayaan Alpha Cronbach yang kurang daripada 0.60 adalah rendah dan tidak boleh diterima. Nilai Alfa antara 0.60 hingga 0.80 pula diterima dan nilai Alfa yang melebihi 0.80 adalah dianggap baik.


Nilaian skor min yang diperolehi oleh pengkaji akan diinterpretasikan melalui skor min berdasarkan pengkelasan tiga skala iaitu tinggi, sederhana dan rendah (Zainudin Abu Bakar, Meor Ibrahim Kamaruddin, Megat Aman Zahiri Megat Zakaria dan Mohd Ali Ibrahim, 2007) sebagaimana Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Interpretasi Kecenderungan Nilaian Skor Min Bagi Kajian Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah Alih Classification Of Accounts App Dalam Pendidikan Perakaunan di Kolej Komuniti Pasir Gudang

Skor Min	Interpretasi Nilaian Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana
3.01 – 4.00	Tinggi

4.2 Model Rekabentuk Aplikasi COA App

Menurut Reiser & Dempsey (2007) model reka bentuk merupakan suatu proses sistematik dalam pembangunan sumber teknologi yang merangkumi analisis pembelajaran dan pencapaian, reka bentuk aplikasi, pembangunan, implementasi, dan penilaian. Model rekabentuk aplikasi COA App menggunakan Model ADDIE. Model ADDIE dipilih oleh pengkaji adalah kerana ianya adalah di antara model reka bentuk instruksi yang menjadi asas kepada model-model reka bentuk instruksi yang lain (Jamaluddin & Zaidatun, 2003).




Rajah 1: Proses Pembangunan Berpanduan Model ADDIE (Gagne, Wager, Golas,& Keller,2005)

COA App dibangunkan menggunakan Aplikasi Wix dihasilkan sebagai pemudahcara pengguna yang baru belajar tentang perakaunan ataupun bagi pengguna yang ingin membuat semakan kepastian terhadap klasifikasi perakaunan. Penggunaannya juga sesuai bagi peningkatan kefahaman dan memudahkan capaian

aplikasi capaian penentuan klasifikasi akaun di kalangan pengguna seperti para peniaga, kerani akaun mahupun pelajar. Fokus utama dalam COA App adalah berkaitan komponen asas perakaunan dalam menentukan Aset, Liabiliti, Hasil, Belanja dan Ekuiti Pemilik dengan memaparkan contoh-contoh nama akaun yang terlibat dalam klasifikasi tersebut. Penggunaannya juga sesuai dijadikan mini kamus kepada pengguna yang ingin mempelajari klasifikasi akaun.

COA App juga mampu menjimatkan kos penggunaan dengan tanpa membeli bahan rujukan tradisional kerana ianya mudah diakses di mana jua pada bila-bila masa. Penggunaannya juga adalah bagi menyokong penggunaan aplikasi mobile dalam pengurusan perkhidmatan atau penyediaan perakaunan lebih cepat dan pantas. Adalah menjadi keperluan COA Apps dihasilkan bagi memberikan maklumat yang cepat kepada pengguna untuk mendapat input pantas klasifikasi akaun. Sejajar dengan kehendak Revolusi Industri 4.0 klasifikasi akaun diterjemahkan dalam bentuk aplikasi mudah alih yang boleh diakses di mana jua melalui rangkaian talian internet.


Berikut adalah paparan antaramuka COA App:



Rajah 2: Paparan Antaramuka COA App


5. HASIL DAPATAN KAJIAN

Kajian Potensi Penggunaan Classification Of Accounts App Dalam Pembelajaran Perakaunan di Kolej Komuniti Pasir Gudang dilaksanakan terhadap 14 orang peserta kursus pendek UBS Accounting dan 8 orang pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan yang telah menggunakan COA App dalam pendidikan perakaunan. Jantina responden sebagai sampel keseluruhan yang terlibat terdiri 90.9% responden perempuan dan 9.1% responden lelaki dari keseluruhan 22 orang responden.



Rajah 3: Jantina

Merujuk kepada Rajar: Umur responden, 77.3% responden adalah berumur di antara 18 – 29 tahun, 18.2% berumur di antara 30 – 40 tahun dan selebihnya 4.5% berumur di antara 41 – 50 tahun.



Rajah 4: Umur Responden

Berkaitan taraf pendidikan pula, 45.5% berlatarbelakangkan taraf pendidikan SPM, 22.7% responden mempunyai sijil, 9.1% mempunyai STPM/Diploma, 13.6% mempunyai Ijazah Sarjana Muda dan selebihnya 9.1 % mempunyai Sarjana/Master. Responden yang terlibat secara langsung dengan pengurusan akaun seramai 59.1% dan 40.9% tidak terlibat secara langsung dengan pengurusan perakaunan. Dapatan kajian keseluruhannya dinilai berdasarkan 2 kategori penilaian iaitu penilaian kebolehgunaan dan penilaian terhadap impak penggunaan COA App.

5.1 Penilaian Kebolehgunaan

Merujuk kepada Jadual 2: Penilaian Kebolehgunaan COA App, hasil dapatan nilai min dalam aspek penilaian kebolehgunaan melalui aplikasi COA App mudah digunakan adalah 3.59, aplikasi COA App



boleh digunakan tanpa bantuan orang lain 3.23, aplikasi COA App memaparkan maklumat dengan segera 3.55, aplikasi COA App memerlukan masa yang singkat untuk dikuasai 3.68, pengguna boleh memilih mana-mana sub topik pada bila-bila masa 3.64, pengguna bebas untuk meneroka maklumat 3.64 dan pengguna bebas untuk keluar dari aplikasi pada bila-bila masa 3.64. Aplikasi COA App memerlukan masa yang singkat untuk dikuasai mempunyai nilai min yang tertinggi dan COA App boleh digunakan tanpa bantuan orang lain mempunyai nilai min yang terendah. Secara keseluruhan hasil dapatan nilai min berkaitan penilaian kebolegunaan COA App adalah tinggi dengan nilai min 3.56.

Jadual 2: Penilaian Kebolegunaan COA App

Bil	Keterangan	Min	Sisihan Piawai
A1	COA App mudah digunakan	3.59	.50324
A2	COA App boleh digunakan tanpa bantuan orang lain	3.23	.61193
A3	COA App memaparkan maklumat dengan segera	3.55	.59580
A4	Aplikasi COA App memerlukan masa yang singkat untuk dikuasai	3.68	.56790
A5	Pengguna boleh memilih mana-mana sub topik pada bila-bila masa	3.64	.49237
A6	Pengguna bebas untuk meneroka maklumat	3.64	.49237
A7	Pengguna bebas untuk keluar dari aplikasi pada bila-bila masa	3.64	.49237
Jumlah min keseluruhan		3.56	

5.2 Penilaian Impak Penggunaan

Bagi penilaian impak penggunaan COA App sepertimana Jadual 3, hasil dapatan nilai min bagi penggunaan COA App menjimatkan masa penggunaan 3.68, penggunaan COA App menjimatkan kos perbelanjaan berbanding membeli bahan rujukan 3.55, penggunaan aplikasi COA App membantu pengguna mengenal klasifikasi akaun 3.59 dan penggunaan aplikasi COA App membantu penyediaan perakaunan lebih mudah 3.55. COA App menjimatkan masa penggunaan mempunyai nilai min tertinggi dan COA App menjimatkan kos perbelanjaan berbanding membeli bahan rujukan serta penggunaan aplikasi COA App membantu penyediaan perakaunan lebih mudah mempunyai nilai min terendah. Secara keseluruhan hasil dapatan nilai min berkaitan penilaian impak penggunaan COA App adalah dengan nilai min 3.59.

Jadual 3: Penilaian Impak Penggunaan

Bil	Keterangan	Min	Sisihan Piawai
B1	COA App menjimatkan masa penggunaan	3.68	.47673
B2	COA App menjimatkan kos perbelanjaan berbanding membeli bahan rujukan	3.55	.50965
B3	Penggunaan aplikasi COA App membantu pengguna mengenal klasifikasi akaun	3.59	.50324
B4	Penggunaan aplikasi COA App membantu penyediaan perakaunan lebih mudah	3.55	.50965
Jumlah min keseluruhan		3.59	



Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan potensi penggunaan COA App dalam pendidikan perakaunan di Kolej Komuniti Pasir Gudang mempunyai nilai min yang tinggi iaitu 3.58.

6. KESIMPULAN

Aplikasi mudah alih amat penting dan sesuai dalam membantu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dalam era Revolusi Industri 4.0. Selari dengan penggunaan teknologi masakini yang banyak menggunakan aplikasi mudah alih menguatkan lagi dapatan kajian bahawa Aplikasi COA App memerlukan masa yang singkat untuk dikuasai serta menjimatkan masa penggunaan. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan penerimaan potensi teknologi serta penggunaan aplikasi mudah alih yang tinggi di kalangan penggunanya. Implikasi kajian ini, menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi mudah alih memberikan kesan yang positif dalam aspek kebolehgunaannya serta impak penggunaannya kepada pengguna sebagaimana keperluan pendidikan Revolusi Industri 4.0 dan juga sesuai digunakan oleh mereka yang terlibat dengan perakaunan keusahawanan sukan untuk kajian akan datang. Justeru itu, disimpulkan bahawa potensi penggunaan aplikasi mudah alih boleh digunakan (Aliff Nawawi, 2014) dan mempunyai potensi dilaksanakan dalam menyokong pembelajaran pendidikan perakaunan.

RUJUKAN

- Aliff Nawawi, Mohd Isa Hamzah, Surina Akmal Abd Sattai (2014). Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) Dalam Bidang Pendidikan Islam. *Online Journal of Islamic Education*, 26-35.
- Gagne. M.G., Wager. W. W. & Keller. M. J. 2005. Principles of Instructional Design. 5th Edition. Los Angeles: Thompson Wadsworth.
- Jamalludian Harun, Zaidatun Tasir. (2003). Multimedia dalam pendidikan. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kukulska-Hulme, A. &. (2005). *Mobile Learning: A Handbook For Educators and Trainers*. London, UK: Routledge.
- Mohamad Siri Muslimin, N. M. (2017). Rekabentuk dan Pembangunan Aplikasi Pembelajaran Mudah Alih Bagi Keperluan Modul Mikroekonomi. *Seminar Pendidikan Transdisiplin*, (pp. 137-163).
- Mohd. Majid Konting (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norlisa A. Rahim (2013). Penggunaan Mobile Learning (M-Learning) Untuk Tujuan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan UTHM. *Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional UTHM*.
- Norasmah Othman (2002). *Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah*. Tesis Ph D, Universiti Putra Malaysia.
- Pallant, J. (2011). A step by Step guide to data analysis using SPSS. 4th edition. Australia: Allen & Unwin
- Reiser, R.A & Dempsey, J.V. (2007). Trends and Issues in Instructional Design and Technology (2nd Edition). Upper Saddle River, New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Sekaran, U. 1992. *Research methods for business: a skill-building approach*. New York: John Wiley & Sons, Inc.